

## Model Interaksi dengan Allah dan Alam Berasaskan al-Quran dalam Pembelajaran Abad ke-21 Pendidikan Islam (Model of Interaction with Allah and Nature Based on Quran in the Learning of 21st Century Islamic Education)

Wan Mariana Wan Mohamad  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Email: wmariana1976@gmail.com

Kamarul Shukri Mat Teh  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Email: kamarul@unisza.edu.my

Wan Ali Akbar Wan Abdullah  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Email: wanaliakbar.kpm@gmail.com

### Abstrak

Pemupukan kemahiran komunikasi berkesan untuk memenuhi hasil pembelajaran murid merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh guru. Kekurangan bahan panduan pengajaran bagi guru dalam membina kemahiran komunikasi murid ini telah menyumbang kepada masalah komunikasi murid dalam pembelajaran. Oleh itu, artikel ini menentengahkan aplikasi Fuzzy Delphi Method (FDM) terhadap elemen interaksi dengan Allah dan alam dalam konstruk komunikasi bagi mereka bentuk dan membangunkan Model Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Pendidikan Islam berasaskan analisis kandungan al-Quran. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah diberikan kepada 11 orang pakar dalam bidang Tafsir al-Quran dan Pendidikan Islam yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun. Dapatan kajian menunjukkan tujuh item interaksi dengan Allah dan interaksi dengan alam telah diterima berdasarkan kesepakatan pakar. Item-item tersebut menepati syarat penerimaan dengan nilai *threshold* (*d*) adalah kurang daripada 0.2, peratus kesepakatan pakar adalah melebihi 75% dan nilai *defuzzification* adalah melebihi 0.5. Hasil kajian ini berjaya membentuk model interaksi dengan Allah dan alam dalam kemahiran komunikasi bagi PAK21 Pendidikan Islam.

**Kata kunci:** Interaksi dengan Allah, Interaksi dengan alam, PAK21, Pendidikan Islam.

### Abstract

Fostering effective communication skills to meet student learning outcomes is a major challenge faced by teachers. The lack of teaching materials for teachers in building students' communication skills has contributed to students' communication problems in learning. Therefore, this article highlights the application of the Fuzzy Delphi Method (FDM) to the elements of interaction with Allah and nature in communication constructs to design and develop the 21st Century Learning Model (PAK21) Islamic Education based on Quran content analysis. The data were collected using a questionnaire instrument that was given to 11 experts in the field of Tafsir al-Quran and Islamic Education who have served for more than 10 years. The findings of the study show that seven items of interaction with Allah and interaction with nature have been accepted based on expert agreement. The items meet the acceptance condition with the threshold value (*d*) is less than 0.2, the percentage of expert agreement is more than 75% and the value of defuzzification is more than 0.5. The result of this study successfully formed a model of interaction with Allah and nature in communication skills for PAK21 Islamic Education.

**Keywords:** Interaction with Allah, Interaction with nature, PAK21, Islamic Education.

Article Progress

Received: 21 October 2020

Revised: 4 November 2020

Accepted: 18 October 2020

## 1. PENGENALAN

Kemahiran komunikasi yang berkesan merupakan tuntutan penting dalam menjayakan pembelajaran murid di abad ke-21 (Aliff, Gamal Abdul Nasir, & Norkhairiah, 2020; Bower & Vlachopoulos, 2018; Garba, Byabazaire, & Busthami, 2015; Hall, 2018; Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini, 2018). Dalam konteks pembelajaran, komunikasi akan berlaku apabila terhasilnya interaksi antara guru dan murid, murid sesama murid dan murid dengan bahan, sama ada secara lisan mahupun bukan lisan bagi menyampaikan ilmu dan berkongsi pengetahuan sesama mereka (KPM, 2017). Hal ini adalah kerana proses pembelajaran bermula dengan komunikasi kerana manusia adalah makhluk yang bersosial dengan alam sekeliling. Kemahiran ini menjadi komponen asas kemahiran abad ke-21, yang memberi kuasa kepada pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kejayaan pembelajaran mereka (Rotherham & Willingham, 2009; Saavedra & Darleen Opfer, 2012; Szewkis et al., 2011).

## 2. KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM PAK21

Kini, disebabkan oleh perkembangan globalisasi dan teknologi, komunikasi pembelajaran boleh berlaku di dalam atau luar kelas serta di mana-mana sahaja. Guru dapat membantu murid memperoleh maklumat melalui pembelajaran kemahiran literasi maklumat dengan mengajar mereka cara untuk mengakses dan menilai maklumat, menguruskan aliran maklumat dan menggunakan maklumat dengan tepat. Oleh hal yang demikian, bukan sahaja pelajar, guru juga perlu bersedia untuk menguasai pendekatan pedagogi yang menyokong pembelajaran abad ke-21 (Voogt, Erstad, Dede, & Mishra, 2013). Perkara ini bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan guru-guru yang memiliki ciri-ciri guru abad ke-21 iaitu mahir menggunakan teknologi terkini, berketerampilan dalam pedagogi, memahami psikologi pembelajaran dan perkembangan murid, menguasai kandungan kurikulum serta mempunyai kemahiran kaunseling (Norhailmi, 2017; PADU, 2015; Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21, 2017) selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Peranan guru kini lebih berfungsi sebagai fasilitator dengan cara memastikan proses penyampaian maklumat yang berlaku ketika pembelajaran murid melalui komunikasi berkesan dapat menyumbang kepada pembelajaran bermakna murid.

Justeru, adalah penting bagi guru untuk menggunakan strategi komunikasi yang berkesan dalam menggalakkan murid berkomunikasi kerana komunikasi guru boleh dijadikan contoh bagi muridnya (Ashinida Aladdin, 2012; Hua, Nor Fariza Mohd Nor, & Mohd Nayef Jaradat, 2012; Nurani, Hartati, & Utami, 2020). Kepelbagaian strategi komunikasi boleh membantu murid lebih berani untuk berkomunikasi di dalam kelas bagi menjayakan proses pembelajaran mereka (Hua, Nor Fariza dan Mohd Nayef, 2012). Natijahnya, hubungan yang baik kesan daripada komunikasi berkesan akan mewujudkan perasaan seronok untuk belajar kepada murid. Pembinaan hubungan yang baik dapat memudahkan guru melibatkan murid dalam aktiviti pembelajaran, memudahkan pengurusan bilik darjah, memanjangkan masa fokus murid terhadap pembelajaran serta meningkatkan kegembiraan murid sepanjang proses pembelajaran berlangsung (Syofia Ulfah, Zamri dan Jamaludin, 2013). Secara praktikalnya ia akan mendorong kepada keberkesanan penguasaan ilmu murid.

Sejajar dengan perkembangan strategi pembelajaran di abad ke-21 ini, pendekatan komunikasi secara digital telah mula disebar luaskan. Guru dituntut mengajar murid cara menggunakan teknologi sebagai alat untuk menyelidik, menilai dan menyampaikan maklumat serta memproses maklumat untuk diguna pakai sebagai salah satu elemen untuk memajukan diri (Trilling & Fadel, 2009). Sebagai tambahan, Kivunja (2015) menyebut bahawa penggunaan teknologi digital dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian dapat memudahkan proses pembelajaran dan dapat merangsang kemahiran berfikir kritis. Walau bagaimanapun, kemahiran abad ke-21 tidak semestinya disokong oleh ICT semata-mata. Ia turut melibatkan kemahiran-kemahiran teras yang lain seperti teknikal, pengurusan maklumat, komunikasi, kolaborasi, kreativiti, pemikiran kritis dan

penyelesaian masalah, dan lima kemahiran kontekstual iaitu kesedaran etika, budaya kesedaran, fleksibiliti, arahan sendiri dan pembelajaran sepanjang hayat (Van Laar, Van Deursen, Van Dijk, & de Haan, 2017).

### 3. KEMAHIRAN KOMUNIKASI PENDIDIKAN DALAM AL-QURAN

Mohd Yusof Hussain telah mendefinisikan komunikasi Islam sebagai proses menyampaikan atau bertukar maklumat dengan menggunakan prinsip dan kaedah komunikasi yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadis (Zulkiple, 2003). Dalam al-Quran, bentuk komunikasi paling asas adalah interaksi dialog (Mohd Abdul Nasir, 2014). Ini terbukti apabila interaksi secara berdialog dipraktikkan oleh manusia untuk berhubung dengan Allah S.W.T (Surah *al-Shura*, 42:51) sesuai dengan fitrah manusia yang diberikan oleh Allah S.W.T kelebihan *al-Bayan* (Surah *al-Rahman*, 55:4). Maksud *Al-Bayan* ialah kemampuan untuk berbicara dan mengungkapkan isi hati dan pemikiran serta memberi kefahaman kepada orang lain terhadap apa yang difahaminya (az-Zuhaili, 2018). Berdasarkan hasil analisis kandungan al-Quran, didapati ayat-ayat suci al-Quran yang memaparkan elemen kemahiran komunikasi adalah merangkumi interaksi dengan Allah S.W.T, interaksi dalam diri, interaksi sesama manusia dan interaksi dengan alam.

Interaksi dengan Allah S.W.T merupakan interaksi utama di dalam Al-Quran yang dikemukakan oleh Allah S.W.T melalui perutusan wahyu daripada-Nya. Interaksi ini berupaya membangunkan hubungan vertikal seseorang manusia dengan Allah S.W.T dalam konteks pengabdian diri seorang hamba kepada Tuhannya. Antara aktiviti-aktiviti pendidikan yang boleh dilakukan dalam meningkatkan interaksi seseorang murid terhadap Allah ialah melalui ibadat solat (Surah *Hud*, 11:114), berzikir (Surah *al-Ahzab*, 33:41-42), berdoa (Surah *al-Baqarah*, 2:186), beristighfar (Surah *Ali Imran*, 3:135) dan membaca al-Quran yang disertai dengan kefahaman dan penghayatan dalam kehidupan (Surah *Shaad*, 38:29; Surah *al-Ankabut*, 29:45). Terbukti hasil daripada kajian terdahulu, aktiviti-aktiviti berinteraksi dengan Allah ini telah melahirkan rasa kebergantungan hati hanya kepada Allah S.W.T dan seterusnya berupaya memupuk kematangan jiwa dan kesejahteraan psikologi diri seseorang (Bonab & Koohsar, 2011).

Di samping itu, komunikasi dalam bentuk berinteraksi dalam diri sendiri juga memainkan peranan penting dalam mendidik murid-murid ke arah pendidikan berteraskan al-Quran. Sebagai contoh aktiviti muhasabah diri (Surah *al-Baqarah*, 2:202; Surah *Ibrahim*, 14:51) dan muraqabah (Surah *al-Nisa'*, 4:1; Surah *Qaf*, 50:18) juga merupakan antara strategi pendidikan yang telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali sebagai jalan untuk menyucikan jiwa dari segala kekotoran agar hati sentiasa mempunyai ikatan janji harian terhadap diri sendiri supaya ikhlas dalam ketaatan, taubat apabila melakukan maksiat dan menjaga adab ketika dalam kehidupan (Sa'id Hawa, 2017). Bentuk komunikasi ini sangat abstrak kerana ia tidak dapat ditanggapi secara jelas oleh pancaindera, namun mampu memberi kesan yang baik ke arah pembentukan akhlak yang mulia (Mardzelah, Mohamad Fadli, & Mohd. Aderi, 2014).

Kemahiran komunikasi berkesan sesama manusia turut dikemukakan oleh Allah S.W.T sebagai panduan manusia khususnya umat Islam untuk dipraktikkan bukan sahaja demi kepentingan pembelajaran murid, malah untuk kepentingan umat manusia sejagat. Sebagai contoh ketika berinteraksi sesama manusia, Allah S.W.T telah memberi panduan kepada Nabi Musa dan Nabi Harun ketika berdakwah kepada Firaun supaya berinteraksi secara lemah lembut (Surah *Taha*, 20:44), sebagaimana ucapan pertuturan dengan penuh kasih sayang oleh Nabi Ibrahim terhadap anakandanya Nabi Ismail (Surah *as-Saffat*, 37:102) dan juga nasihat Lukmanul Hakim kepada anakandanya supaya mengawal intonasi ketika berkomunikasi iaitu dengan merendahkan suara (Surah *Luqman*, 31:19). Di samping itu, antara bentuk komunikasi yang digunakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran ialah arahan berkomunikasi dengan perkataan yang benar (Surah *al-Ahzab*, 33:70), memberi galakan supaya berbuat kebaikan dengan menjanjikan ganjaran syurga (Surah *al-Baqarah*,

33:70), menceritakan kisah-kisah umat lampau sebagai pengajaran (Surah *al-Yusuf*, 12:111), menyampaikan sesuatu dengan perkataan yang terbaik (Surah *al-Isra*’, 17:53) dan sebagainya.

Begitu juga dengan interaksi dengan alam sekitar apabila Allah S.W.T. memerintahkan manusia supaya bermusafir untuk melihat kesan peninggalan orang-orang yang mendustakan Allah S.W.T agar dapat dijadikan iktibar (Surah *Ali-Imran*, 6:11). Apabila disoroti sejarah Nabi Ibrahim dalam al-Quran berkaitan interaksi dengan alam, Allah S.W.T memilih burung iaitu binatang yang paling dekat dengan manusia di alam ini (Az-Zuhaili, 2018) untuk disembelih bagi meningkatkan keyakinan serta ketauhidan baginda terhadap kekuasaan Allah S.W.T (Surah *Al-Baqarah*, 2:260). Kajian oleh Rashidah, Saedah, & Zaharah (2018) telah membuktikan bahawa penggunaan alam sekitar iaitu flora, fauna dan langit sebagai sumber bahan pembelajaran murid telah menjadikan suasana pembelajaran murid lebih ceria dan telah berjaya memupuk persaingan sihat dalam kalangan mereka.

Strategi komunikasi yang telah dipaparkan di dalam al-Quran tersebut adalah bersifat fleksibel dan luwes, iaitu sesuai digunakan sepanjang zaman dalam mendidik murid-murid termasuk pada abad ke-21 ini. Apa yang membezakannya adalah media atau alat perantara yang digunakan dalam mengatur strategi tersebut. Dengan kewujudan sistem kemajuan teknologi dan komunikasi yang bertambah canggih kini, bentuk komunikasi dalam pembelajaran lebih menjurus kepada penggunaan pelbagai alatan elektronik dan perisian teknologi seperti Kahort, Quizizz, Plickers dan sebagainya. Pembelajaran yang menggunakan aplikasi mobile ini telah membawa kepada kelainan suasana pembelajaran dan keseronokan kepada murid (Norhailmi, 2017). Namun, walau apa pun strategi dan peralatan yang digunakan oleh guru dalam mendidik kemahiran komunikasi murid, keempat-empat jenis interaksi ini sewajarnya diterapkan dengan sebaiknya kerana ia adalah panduan terbaik daripada al-Quran dalam melahirkan murid Muslim yang sempurna.

#### **4. OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsensus pakar terhadap item-item kemahiran komunikasi Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam menjayakan PAK21 murid-murid khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam hasil daripada analisis ayat-ayat al-Quran yang bertemakan komunikasi. Namun, fokus penulisan artikel ini adalah tertumpu kepada dua bentuk interaksi sahaja, iaitu; interaksi dengan Allah dan interaksi dengan alam. Konsensus pakar ini dilakukan oleh sebelas orang pakar menerusi aplikasi teknik *Fuzzy Delphi*.

#### **5. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* bertujuan mendapatkan konsensus pakar terhadap item-item kemahiran komunikasi yang direka bentuk berpandukan analisis kandungan terhadap ayat al-Quran yang bertemakan komunikasi. Walau bagaimanapun penulisan ini hanya memfokuskan sebahagian dapatan daripada proses mereka bentuk dan membangunkan Model PAK21 Pendidikan Islam berasaskan analisis kandungan al-Quran yang melibatkan kesepakatan pakar-pakar *FDM* terhadap item-item yang dikemukakan berkaitan kemahiran komunikasi. Hanya dua elemen yang dikemukakan dalam kajian ini, iaitu; elemen interaksi dengan Allah dan interaksi dengan alam.

Kesepakatan pakar terhadap penerimaan item-item yang membentuk model berdasarkan *FDM* adalah bersandarkan kepada 3 syarat utama iaitu:

- i. Nilai *threshold* ( $d$ ) mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2 (Chang, Hsu, & Chang, 2011; Cheng & Lin, 2002).
- ii. Peratusan konsensus pakar mestilah menyamai atau melebihi nilai 75% (Chu & Hwang, 2008; Murry Jr & Hammons, 1995).
- iii. Nilai *defuzzification* mestilah menyamai 0.5 dan ke atas (Bodjanova, 2006; Tang & Wu, 2010). Nilai *defuzzification* ini juga dikenali sebagai nilai skor fuzzy. Nilai skor fuzzy ini yang menentukan kedudukan keutamaan item. Semakin tinggi nilai skor fuzzy, semakin tinggi keutamaan item tersebut dalam sesuatu konstruk.

Instrumen kajian pula adalah set soal selidik yang mengandungi lapan item yang berkaitan kemahiran komunikasi yang telah diedarkan kepada para pakar setelah melalui proses kesahan instrumen ayat-ayat al-Quran oleh empat orang pakar Tafsir al-Quran. Pakar-pakar ini telah diberikan instrumen tersebut untuk menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap item-item yang dikaji dan telah dianalisis dengan menggunakan template *Microsoft Excel Fuzzy Delphi*.

## 6. KONSENSUS PAKAR TERHADAP AMALAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM PAK21 PENDIDIKAN ISLAM

Seramai 11 orang pakar telah dipilih sebagai barisan panel pakar *FDM* berdasarkan kepada kepakaran bidang masing-masing. Jadual 1 menerangkan bidang kerja dan kelayakan akademik pakar yang berkenaan.

Jadual 1: Senarai pakar terlibat

Bil.	Perkara	Maklumat Demografi	Bilangan	Peratus (%)
1	Bidang Kerja	Pensyarah IPTA/IPTS	3	27.3
		Pensyarah IPG/Kolej/Politeknik	2	18.2
		Jemaah Nazir	1	9.1
		Pegawai KPM/Penggubal Kurikulum Pendidikan Islam	2	18.2
		Guru Cemerlang Pend Islam	1	9.1
		Jurulatih Utama PAK21/ KSSM Pend Islam	2	18.2
2	Kelayakan Akademik	Ijazah Sarjana Muda	2	18.2
		Ijazah Sarjana	3	27.3
		Ijazah Doktor Falsafah	6	54.5
<b>JUMLAH</b>			<b>11</b>	<b>100.0</b>

Kesepakatan pakar terhadap item-item kemahiran komunikasi yang dibincangkan dalam kajian ini adalah tertumpu kepada dua aspek utama yang didapati hasil daripada analisis kandungan ayat-ayat suci al-Quran seperti berikut:

### 6.1 Interaksi dengan Allah

Sebanyak lima item dalam aspek Interaksi Dengan Allah telah diberikan kepada para pakar *FDM* untuk mengenal pasti kesepakatan mereka terhadap item-item tersebut. Selepas melalui proses penentuan kesepakatan oleh pakar yang terlibat, didapati nilai *threshold* ( $d$ ), peratusan konsensus pakar, *defuzzification* dan keutamaan item (*ranking item*) bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Nilai Threshold ( $d$ ), Peratusan Konsensus Pakar (%), Nilai Defuzzification dan Keutamaan Item

Pakar	Interaksi dengan Allah				
	A1	A2	A3	A4	A5
Profesor (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.092
Profesor Madya (PhD Tafsir al-Quran)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.330
Pensyarah Kanan UA (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.111	0.014	0.063
Pensyarah IPG (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.063
Pensyarah Politeknik (PhD Pend Islam)	0.139	0.139	0.111	0.139	0.092

Pegawai IPGM (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.063
Penggubal Kurikulum (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.063
Pegawai Jemaah Nazir (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.014	0.111	0.014	0.063
JUK KSSM P. Islam (Sarjana Pend Islam)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.063
JUK PAK21 P. Islam (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.063
Guru Cemerlang (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.014	0.042	0.014	0.063
Nilai <i>Threshold (d)</i> setiap item	<b>0.025</b>	<b>0.025</b>	<b>0.061</b>	<b>0.025</b>	<b>0.092</b>
Peratus Kesepakatan Pakar Setiap Item	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>91%</b>
Nilai Defuzzification (Average of Fuzzy Number)	<b>0.958</b>	<b>0.958</b>	<b>0.939</b>	<b>0.958</b>	<b>0.924</b>
*Interpretasi	/	/	/	/	/
Kedudukan ( <i>Ranking</i> )	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>5</b>

Nota: \*Interpretasi (/= TERIMA), (X=TOLAK)

Berdasarkan Jadual 2, semua item yang membentuk aspek Interaksi Dengan Allah mempunyai nilai *threshold (d)*  $\leq 0.2$ , peratus persetujuan keseluruhan pakar berada pada tahap peratus persetujuan yang melebihi nilai 75% dan nilai *defuzzification* bagi setiap item melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5. Ini jelas menunjukkan item-item tersebut telah mendapat kesepakatan dari semua pakar. Item-item ini disusun mengikut keutamaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Susunan Item Interaksi Dengan Allah Mengikut Keutamaan

Susunan Mengikut Keutamaan	Item (Kod)	Bil. Surah & Ayat
1	Mendidik murid <b>sentiasa memanjatkan doa kepada Allah</b> (A1)	2:186
1	Mendidik murid <b>melazimkan diri menyebut nama Allah dengan berzikir</b> (A2)	33:41-42
1	Mendidik murid <b>segera memohon ampun</b> apabila berdosa (A4)	3:135
4	Mendidik murid <b>istiqamah memelihara solat</b> (A3)	11:114
5	Mendidik murid <b>sentiasa membaca al-Quran</b> (A5)	29:45

## 6.2 Interaksi dengan Alam

Setelah dilakukan proses penentuan kesepakatan oleh pakar yang terlibat berkaitan Interaksi Dengan Alam, analisis dapatannya ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar (%), Nilai Defuzzification dan Keutamaan Item

Pakar	Interaksi dengan Alam		
	D1	D2	D3
Profesor (PhD Pend Islam)	0.330	0.106	0.064
Profesor Madya (PhD Tafsir al-Quran)	0.092	0.343	0.064
Pensyarah Kanan UA (PhD Pend Islam)	0.063	0.049	0.148
Pensyarah IPG (PhD Pend Islam)	0.063	0.049	0.148
Pensyarah Politeknik (PhD Pend Islam)	0.063	0.049	0.148
Pegawai IPGM (PhD Pend Islam)	0.063	0.049	0.148
Penggubal Kurikulum (Sarjana Pend Islam)	0.092	0.049	0.831
Pegawai Jemaah Nazir (Sarjana Pend Islam)	0.063	0.049	0.245
JUK KSSM P. Islam (Sarjana Pend Islam)	0.063	0.049	0.148
JUK PAK21 P. Islam (Sarjana Muda PAI)	0.063	0.049	0.148
Guru Cemerlang (Sarjana Muda PAI)	0.063	0.049	0.148
Nilai <i>Threshold (d)</i> setiap item	<b>0.092</b>	<b>0.081</b>	<b>0.204</b>
Peratus Kesepakatan Pakar Setiap Item	<b>91%</b>	<b>91%</b>	<b>91%</b>
Nilai Defuzzification (Average of Fuzzy Number)	<b>0.924</b>	<b>0.933</b>	<b>0.864</b>
*Interpretasi	/	/	<b>X</b>
Kedudukan ( <i>Ranking</i> )	<b>2</b>	<b>1</b>	

Nota: \*Interpretasi (/= TERIMA), (X=TOLAK)

Berdasarkan Jadual 4, dua daripada tiga item berkaitan Interaksi Dengan Alam mempunyai nilai threshold ( $d \leq 0.2$ ). Ini bermaksud kedua item tersebut iaitu B1 dan B2 telah mendapat kesepakatan yang baik daripada semua pakar yang terlibat manakala item B3 ditolak kerana mempunyai nilai threshold ( $d$ ) melebihi 0.2. Walaupun peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada pada nilai yang baik iaitu 91%. Manakala nilai *defuzzification* bagi setiap item pula melebihi nilai  $\alpha$ -cut = 0.5. Ini menunjukkan hanya dua item kemahiran komunikasi daripada aspek Interaksi Dengan Alam telah mendapat kesepakatan dari semua pakar. Item-item ini disusun mengikut keutamaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Susunan Item Interaksi Dengan Alam Mengikut Keutamaan

Susunan Mengikut Keutamaan	Item (Kod)	Bil. Surah & Ayat
1	Melatih murid <b>bermusafir untuk mengambil iktibar</b> sejarah umat terdahulu (B2)	6:11
2	Mendidik murid dengan <b>cara berinteraksi dengan bahan maujud</b> (B1)	7:185
<b>DITOLAK</b>	Membimbing murid <b>mengaplikasikan ilmu melalui tunjuk cara</b> (B3)	5:31

Secara keseluruhannya sebanyak lapan item berkaitan kemahiran komunikasi meliputi aspek interaksi dengan Allah dan interaksi dengan alam telah dikemukakan kepada pakar FDM untuk meninjau kesepakatan mereka terhadap item-item tersebut. Semua item tersebut telah mendapat konsensus yang baik kecuali hanya satu item yang ditolak kerana mempunyai nilai threshold ( $d$ ) melebihi 0.2 seperti dalam Jadual 5.

## 7. RUMUSAN KONSENSUS PAKAR TERHADAP ITEM


Oleh yang demikian, secara keseluruhannya sebanyak tujuh item berkaitan kemahiran komunikasi telah mendapat kesepakatan pakar dalam membentuk Model PAK21 Pendidikan Islam berasaskan analisis kandungan al-Quran. Item-item yang telah dipersetujui oleh pakar-pakar ini telah disusun mengikut keutamaan dalam Jadual 6 berdasarkan dua elemen penting dalam kemahiran komunikasi PAK21 yang perlu diterapkan kepada murid-murid oleh GPI berpandukan kepada nilai *defuzzification*. Nilai *defuzzification* ini disusun mengikut urutan daripada aspek yang mempunyai nilai *defuzzification* tertinggi kepada aspek yang mempunyai nilai *defuzzification* yang terendah. Begitu juga dengan setiap item di dalam setiap aspek disusun mengikut urutan berdasarkan nilai *defuzzification* tertinggi kepada item yang mempunyai nilai *defuzzification* yang terendah untuk menunjukkan keutamaan kesepakatan pandangan pakar.

Jadual 6: Susunan keutamaan dua elemen komunikasi berdasarkan nilai defuzzification

Elemen Kemahiran Komunikasi	Nilai Defuzzification	Nilai Threshold (D)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar
<b>Interaksi dengan Allah</b>	<b>0.947</b>	<b>0.046</b>	<b>98%</b>
1 Mendidik murid <b>sentiasa memanjatkan doa kepada Allah</b>	0.958	0.025	100%
2 Mendidik murid <b>segera memohon ampun</b> apabila berdosa	0.958	0.025	100%
3 Mendidik murid <b>melazimkan diri menyebut nama Allah dengan berzikir</b>	0.958	0.025	100%
4 Mendidik murid <b>istiqamah memelihara solat</b>	0.939	0.061	100%
5 Mendidik murid <b>sentiasa membaca al-Quran</b>	0.924	0.092	91%
<b>Interaksi dengan Alam</b>	<b>0.929</b>	<b>0.126</b>	<b>91%</b>

1	Melatih murid <b>bermusafir untuk mengambil iktibar</b> sejarah umat terdahulu	0.933	0.081	91%
2	Mendidik murid dengan <b>cara berinteraksi dengan bahan maujud</b>	0.924	0.092	91%

Kajian ini berjaya membentuk Model Interaksi dengan Allah dan Alam dalam Kemahiran Komunikasi bagi Pembelajaran Abad ke-21 Pendidikan Islam seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Interaksi dengan Allah dan Alam dalam Kemahiran Komunikasi bagi Pembelajaran Abad ke-21 Pendidikan Islam

## 8. PERBINCANGAN DAPATAN

Item-item kemahiran komunikasi yang diutarakan oleh Allah di dalam al-Quran dipraktikkan oleh semua pakar yang terlibat merupakan item-item paling sesuai digunakan dalam memupuk kemahiran komunikasi murid, kerana ia berasaskan kepada sumber ilmu utama umat Islam iaitu al-Quran al-Karim. Kemahiran komunikasi yang dipandu oleh Allah S.W.T ini akan terhasil dengan sebaiknya apabila wujudnya interaksi murid dengan Allah SWT sebagai pendidik yang Maha Agung dan interaksi dengan alam persekitaran yang melingkungi kehidupan mereka sebagaimana perbincangan berikut:

### 8.1 Interaksi dengan Allah

Kemahiran komunikasi paling utama yang perlu diterapkan dalam diri murid adalah kemahiran berhubung dan berinteraksi dengan Allah sebagai Tuhan yang berhak disembah lagi ditaati. Majoriti pakar bersetuju bahawa melalui latihan didikan guru secara berterusan agar murid sentiasa memanjatkan doa kepada Allah dengan menyebut nama Allah melalui berzikir dapat mengeratkan hubungan seseorang murid dengan Allah kerana budaya berzikir boleh dilakukan sepanjang masa tanpa terikat kepada waktu tertentu. Bahkan item mendidik murid agar segera memohon ampun apabila berdosa turut disepakati oleh pakar dapat mengeratkan komunikasi seorang hamba kepada Tuhannya. Didikan ini boleh diberikan melalui latihan berzikir dengan ayat-ayat al-Quran yang menjadi lafaz taubat memohon ampun, yang telah diucapkan oleh nabi-nabi dan rasul terdahulu. Contohnya zikir taubat Nabi Adam (al-‘Araf, 7:23) dan zikir taubat Nabi Yunus (al-Anbiya’, 21:87).

Latihan berzikir yang dilakukan oleh murid secara berulang kali melalui bimbingan guru merupakan pembelajaran berpusatkan murid yang dapat memberi kesan positif kepada murid sebagaimana pendapat Imam Ghazali melalui zikir dapat mengikat hati seseorang untuk mentaati Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya (Mardzelah, Mohamad Fadhli, & Mohd. Aderi, 2014). Perkara ini juga bertepatan dengan teori konstruktivisme yang mencadangkan agar murid sentiasa dibantu dan dibimbing dalam pembelajaran mereka supaya mereka memperoleh pengalaman



langsung yang dapat menjayakan proses pembelajaran mereka (Fosnot & Perry, 2005). Ini membuktikan aktiviti berzikir selepas solat melalui bimbingan guru mampu memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna buat murid untuk mengeratkan hubungan dengan Allah S.W.T dalam kehidupan mereka.

Didikan melalui istiqamah memelihara solat sama ada solat wajib mahupun sunat turut dipersetujui oleh pakar bahawa ia dapat mengeratkan lagi hubungan seseorang murid dengan Allah. Oleh kerana itulah tajuk berkaitan solat telah dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi setiap tingkatan satu hingga lima untuk dipelajari oleh setiap murid sepanjang lima tahun berada di arus pendidikan sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Begitu juga dengan peranan guru dalam mendidik murid-muridnya sentiasa membaca al-Quran sebagai interaksi secara langsung dengan Allah S.W.T. Oleh hal yang demikian, tanggungjawab GPI sebagai pendidik dan pembimbing murid sewajarnya bukan hanya mencurahkan ilmu berkaitan ibadah tersebut malah turut menitik beratkan aktiviti amali hingga dapat diamalkan dan dihayati oleh murid serta seterusnya dijadikan budaya dalam kehidupan mereka.

## 8.2 Interaksi dengan Alam

Interaksi dengan alam melalui proses pembelajaran murid boleh diaplikasikan melalui lawatan ke tempat-tempat yang bersesuaian. Ia bertepatan dengan kesepakatan pakar terhadap item melatih murid bermusafir untuk mengambil iktibar sejarah umat terdahulu telah menjadi asas keutamaan kesepakatan pakar terhadap aspek interaksi dengan alam. Al-Quran telah merakamkan perintah Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W supaya mengarahkan umat Islam agar mengembara untuk melihat kesan buruk yang menimpa orang-orang yang mendustakan kerasulan nabi-nabi terdahulu (Surah *al-An'am*, 6:11; Surah *Ali-Imran*, 3:137; Surah *al-Nahl*, 16:36; Surah *al-Zukhruf*, 43:25), keadaan buruknya kesudahan orang-orang yang berdosa (Surah *al-A'raaf*, 7:84; Surah *al-Naml*, 27:69), orang-orang yang membuat kerosakan (Surah *al-A'raaf*, 7:86; Surah *al-Naml*, 27:14) dan orang-orang yang zalim (Surah *Yunus*, 10:39; Surah *al-Qasas*, 28:40) serta bagaimana Allah S.W.T menciptakan makhluk-makhluk di bumi (Surah *al-Ankabut*, 29:20). Semua perkara yang diperhatikan sepanjang lawatan atau musafir ilmu ini boleh dijadikan sumber berfikir manusia terhadap kekuasaan Allah S.W.T, malah turut memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna buat murid (Achen, Warren, Fazzari, Jorich dan Thorne, 2019).

Interaksi dengan alam juga menjadikan segala sesuatu yang dapat dikesan oleh pancaindera manusia itu sebagai bahan bantu mengajar. Hal ini dapat memudahkan murid memahaminya dengan lebih baik. Dalam al-Quran, Allah S.W.T memaparkan kisah Nabi Ibrahim A.S yang meminta kepada-Nya agar diperlihatkan cara Allah S.W.T menghidupkan sesuatu untuk menambah keimanan dan keyakinan. Lalu Allah S.W.T memperlihatkan empat ekor burung yang telah dicincang daging, lalu dihidupkan kembali. Inilah yang dikatakan *'ilmu yakiin* diperkukuhkan dengan *ainul yakiin*, iaitu sesuatu ilmu itu akan lebih diyakini melalui penglihatan pancaindera mata sendiri (az-Zuhaili, 2018). Justeru segala bentuk bahan maujud di alam ini yang berada sekeliling murid boleh dijadikan sumber terbaik sebagai bahan pembelajaran murid yang efektif.

## 9. PENUTUP

Implikasi kajian ini jelas menunjukkan bahawa elemen-elemen kemahiran komunikasi yang disedut sari patinya daripada al-Quran dan seterusnya mendapat kesepakatan pakar-pakar dalam pendidikan menerusi teknik Fuzzy Delphi, merupakan elemen terbaik dalam membangunkan kemahiran komunikasi murid-murid khususnya dalam konteks PAK21 Pendidikan Islam di Malaysia. Justeru, dalam mendidik generasi murid yang akan menghadapi cabaran abad ke-21, GPI perlu menyediakan mereka dengan kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk berkomunikasi serta berkolaboratif secara berkesan dengan pasak utamanya adalah ketauhidan kepada Allah S.W.T. Seandainya setiap GPI berusaha mempraktikkannya dengan penuh penghayatan, nescaya akan terhasil kejayaan mereka

dalam membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup murid sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Achen, R. M., Warren, C., Fazzari, A., Jorich, H., & Thorne, K. (2019). *Evaluating Graduate Student Out-of-Class Learning : The Professional Field Trip*. 31(1), 96–107.

Aliff Nawati, Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Norkhairiah Hashim. (2020). Komunikasi berkesan menerusi Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 20–40.

Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(May), 645–666.

Az-Zuhaili, P. D. W. (2018). *Tafsir al-Munir: Aqidah, Syariah, & Manhaj*. Jakarta: Gema Insani.

Bodjanova, S. (2006). Median Alpha-Levels of a Fuzzy Number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7), 879–891.

Bonab, B. G., & Koohsar, A. A. H. (2011). Reliance on God as a Core Construct Of Islamic Psychology. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 30, 216–220. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.10.043>

Bower, M., & Vlachopoulos, P. (2018). A Critical Analysis of Technology-Enhanced Learning Design Frameworks. *British Journal of Educational Technology*, 49(6), 981–997. <https://doi.org/10.1111/bjet.12668>

Chang, P. L., Hsu, C. W., & Chang, P. C. (2011). Fuzzy Delphi Method for Evaluating Hydrogen Production Technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*, 36(21), 14172–14179. <https://doi.org/10.1016/j.ijhydene.2011.05.045>

Cheng, C.-H., & Lin, Y. (2002). Evaluating the Best Main Battle Tank using Fuzzy Decision Theory. *European Journal of Operational Research*, 142, 174–186. [https://doi.org/10.1016/S0377-2217\(01\)00280-6](https://doi.org/10.1016/S0377-2217(01)00280-6)

Chu, H.-C., & Hwang, G.-J. (2008). A Delphi-Based Approach to Developing Expert Systems with the Cooperation of Multiple Experts. *Expert Systems with Applications*, 34(4), 2826–2840.

Fosnot, C. T., & Perry, R. S. (2005). A Psychological Theory of Learning. in *Constructivism: Theory, perspectives and practise* (pp. 8–38). Retrieved from [http://faculty.arts.ubc.ca/emeyers/LIBR535/readings/Fosnot&Perry\\_2005.pdf](http://faculty.arts.ubc.ca/emeyers/LIBR535/readings/Fosnot&Perry_2005.pdf)

Garba, S. A., Byabazaire, Y., & Busthami, A. H. (2015). Toward the use of 21<sup>st</sup> Century Teaching-Learning Approaches: The Trend of Development in Malaysian Schools within the Context of Asia Pacific. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 10(4), 72–79. <https://doi.org/10.3991/ijet.v10i4.4717>

Hall, C. D. (2018). *Evaluating the Depth of The Integration of 21st Century Skills in a Technology-Rich Learning Enviroment*. College of Saint Elizabeth.

- Hua, T. K., Nor Fariza Mohd Nor, & Mohd Nayef Jaradat. (2012). Communication Strategies among EFL Students-an Examination of Frequency of Use and Types of Strategies Used. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(3).
- Mahanal, S. (2014). Peranan Guru dalam Melahirkan Generasi Emas dengan Keterampilan Abad 21. *Seminar Nasional Pendidikan HMPS Pendidikan Biologi FKIP Universitas Halu Oleo*, (September), 1–16.
- Mardzelah Makhsin, Mohamad Fadhli Ilias, & Mohd. Aderi Che Noh. (2014). Amalan Hisbah Kendiri dalam Pendidikan Islam: Kajian terhadap Murid-Murid Sekolah Menengah di Kedah. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1), 25–37. <https://doi.org/10.1139/z68-097>
- Muhammad Insan Jauhari. (2020). Konsep Pendidikan Ibnu Khaldun dan Relevansinya terhadap Pendidikan di Era Moden. *Jurnal Komunikasi Dan Pendidikan Islam*, 9(1, Juni), 187–210.
- Murry Jr, J. W., & Hammons, J. O. (1995). Delphi: A Versatile Methodology for Conducting Qualitative Research. *The Review of Higher Education*, 18(4), 423–436.
- Norhailmi Abdul Mutalib. (2017). *Pembelajaran Abad 21 bukan sekadar susun kerusi dan meja*. Kangar, Perlis: Percetakan Perlis Sdn. Bhd.
- Nurani, Y., Hartati, S., & Utami, A. D. (2020). Effective Communication-based Teaching Skill for Early Childhood Education Students. *International Journal of Higher Education*, 9(1), 153–158.
- PADU. (2015). Pembelajaran Abad Ke-21 : Amalan Dan Pelaksanaan di Sekolah, Cabaran Pembelajaran Abad Ke-21 dan Contoh Susun Atur Kelas Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan*.
- Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21. (2017). Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21. In *Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia*. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rashidah Mohd, Saedah Siraj, & Zaharah Hussin. (2018). Penilaian Penggunaan Modul Pengajaran Pantun Melayu Tingkatan 2 berasaskan Maksud al-Quran Mengenai Keindahan Flora, Fauna dan Langit. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4), 42–56.
- Rotherham, A. J., & Willingham, D. (2009). 21st century. *Educational Leadership*, 67(1), 16–21.
- Sa'id Hawa. (2017). *Kajian lengkap penyucian jiwa: Tazkiyah An-Nafs*. Selangor Darul Ehsan: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Saavedra, A. R., & Darleen Opfer, V. (2012). Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching. *Phi Delta Kappan*. <https://doi.org/10.1177/003172171209400203>
- Syafiqah Solehah Ahmad, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2018). Personaliti guru Pendidikan Islam dan kesannya terhadap akhlak pelajar: Satu tinjauan awal di sekolah menengah Daerah Marang, Terengganu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling EISSN:*, 3(14), 59–75.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod, & Jamaludin Badusah. (2013). *Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia yang Penyayang Expressive Interpersonal*. 13(February), 139–154.

- Szewkis, E., Nussbaum, M., Rosen, T., Abalos, J., Denardin, F., Caballero, D., Alcolado, C. (2011). Collaboration within large groups in the classroom. *Computer-Supported Collaborative Learning*, 6, 561–575. <https://doi.org/10.1007/s11412-011-9123-y>
- Tang, C.-W., & Wu, C.-T. (2010). Obtaining a Picture of Undergraduate Education Quality: A Voice from Inside the University. *Higher Education*, 60(3), 269–286.
- Trilling, B., & Fadel, C. (2009). 21st century skills: Learning for life in our times. In *21st century skills: Learning for life in our times*. <https://doi.org/10.1145/1719292.1730970>
- Van Laar, E., Van Deursen, A. J. A. M., Van Dijk, J. A. G. M., & de Haan, J. (2017). The relation between 21st-century skills and digital skills: A systematic literature review. *Computers in Human Behavior*, 72, 577–588. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.chb.2017.03.010>
- Voogt, J., Erstad, O., Dede, C., & Mishra, P. (2013). Challenges to Learning and Schooling in the Digital Networked World of the 21st Century. *Journal of Computer Assisted Learning*, 29(5), 403–413.
- Zulkiple Abd Ghani. (2003). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.